



**KPWKM**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN  
JASAMU DIKENANG TAHUN 2020 KPWKM**

**TEMPAT/ TARIKH/ MASA**

**DEWAN PERDANA PICC, PUTRAJAYA  
6 APRIL 2021 / 10.00 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## (A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang 2020** dapat kita sempurnakan pada hari ini dengan pematuhan kepada norma baharu.

2. Buat **julung kalinya, Dua (2) Majlis yang kebiasaannya diraikan secara berasingan** setiap tahun telah digabungkan yang melibatkan **seramai 646 orang pegawai** dan kakitangan Kementerian serta Agensi akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 dan meraikan seramai **127 orang pesara** dalam perkhidmatan awam.

3. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Tahun 2020 telah meninggalkan kita dengan penuh cabaran dan dugaan. **Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia benar-benar menguji keupayaan sesebuah Kerajaan dalam memastikan keseimbangan antara kesihatan awam dan pertumbuhan ekonomi.**

4. Syukur Alhamdulillah, **Kerajaan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Perdana Menteri yang sangat prihatin masih kekal utuh dalam mengemudi Kerajaan ini.**

5. Keprihatinan Kerajaan bukan retorik semata-mata, namun ia dizarhikan dengan pelbagai inisiatif Pakej Bantuan seperti PRIHATIN, PENJANA, PERMAI dan yang terbaharu PEMERKASA bagi memastikan kebajikan rakyat terus terbela.

6. Namun, kita semua perlu sedar bahawa semua inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan tersebut tidak akan menjadi kenyataan sekiranya tidak disambut oleh penjawat awam. Maka, kita perlu mengembleng tenaga, memberikan sepenuh komitmen dan ikhlas dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

7. Saya berkeyakinan penuh bahawa penjawat awam yang berada di hadapan saya pada hari ini merupakan penjawat awam yang cemerlang, yang telah melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi. Maka, majlis pada hari

ini adalah satu penghargaan kepada usaha Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah mempamerkan prestasi kerja yang membanggakan.

**(B) AMANAT NO.1: BUDAYA KERJA KELAS PERTAMA**

8. Namun begitu, suka saya mengingatkan bahawa pemberian anugerah hari ini bukan hanya sebagai pendorong dan pengiktirafan kepada prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas lagi, anugerah ini menjadi **penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif** dalam membudayakan kecemerlangan. **Cemerlang bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi juga perkhidmatan yang bersih dan berintegriti.**

9. Sebagai jentera kerajaan yang berperanan melaksana segala dasar-dasar dan keputusan kerajaan, saya ingin berpesan agar penjawat awam perlu **menumpukan seluruh usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif, berkualiti, telus, dan mendahulukan rakyat bagi memastikan matlamat kerajaan tercapai.**

10. Sehubungan itu, **“Budaya Kerja Kelas Pertama” yang menggabungkan integriti, disiplin dan tanggungjawab, mestilah menjadi pegangan** setiap penjawat awam agar menjalankan tugas dengan jujur dan telus.

11. Harapan saya agar setiap warga KPWKM dapat **menjaga imej dan nama baik Jabatan masing-masing dari sebarang isu dan tanggapan negatif rakyat lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman yang semakin**

moden dan mencabar ini. Perlu kita ingat, hari ini semua orang berlumba-lumba untuk mensensasikan berita yang belum pasti kesahihannya. Maka, berwaspadalah terhadap pandangan dan persepsi rakyat.

12. Profesionalisme sebagai penjawat awam perlu diangkat martabatnya melalui kredibiliti dan imej yang ditonjolkan. Janganlah kerana 'nila setitik, rosak susu sebelanga'. Oleh itu, saya menyeru agar semua penjawat awam menjaga dan mencipta keperibadian diri yang unggul serta mempertahankan nilai integriti dalam perkhidmatan.



## **AMANAT NO.2: SOLIDARITI SEBAGAI SATU KELUARGA**

13. Bagi menjadikan Kementerian kita sebagai Kementerian yang cemerlang, perlu ada **solidariti dalam pemikiran serta gerak kerja yang konsisten**. Setiap Ketua Jabatan khususnya dan pegawai-pegawainya perlu tahu dan memahami peranan masing-masing dalam **menentukan hala tuju dan misi jabatan tercapai**. Tanpa keseragaman dan kesinambungan gerak kerja, *outcome* yang dihajati tidak akan dipenuhi seperti yang diharapkan.

14. **Sebagai contoh; semua ahli muzik dalam kumpulan orkestra akan memainkan peralatan muzik masing-masing, mengikut arahan seorang konduktor. Kegagalan memahami dan mematuhi arahan konduktor akan menyebabkan alunan irama muzik mereka sumbang dan tidak harmoni.**

**Konsep ini juga sama dalam kita mengurus bahagian masing-masing, untuk memastikan matlamat jabatan tercapai seperti yang dihasratkan.**

15. **Usahlah berkerja secara “silo”** sebaliknya kita atas **semangat satu pasukan, satu keluarga** memerlukan sinergi dan persefahaman, agar sesuatu usaha kecil yang kita lakukan masih mampu menzahirkan impak yang besar dan bermanfaat buat rakyat.

### **AMANAT NO.3: KESEDIAAN MENDEPANI CABARAN**

16. Sepertimana kita sedia maklum bahawa menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah mengumumkan kenaikan-kenaikan bantuan sosial yang ternyata menuntut kita untuk memastikan bantuan-bantuan ini sampai ke pengetahuan akar umbi dan dinikmati manfaatnya oleh kumpulan sasar.

17. Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan yang melibatkan kenaikan Bantuan OKU, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-kanak dan pelbagai lagi.

18. Kenaikan-kenaikan ini memberikan kita amanah yang cukup besar untuk kita laksanakan. la bukan sekadar pengumuman semata-mata, namun ia perlu dibuktikan dengan tindakan yang proaktif dan progresif warga Kementerian dalam melaksanakan penyaluran bantuan-bantuan sosial ini.

19. Maka, saya amat berharap agar kita mampu bergerak pantas menyampaikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

#### **AMANAT NO.4: MENDAHULUKAN RAKYAT, MELUASKAN MAKLUMAT**

20. Mutakhir ini, keadaan sekeliling menuntut agar penjawat awam sentiasa **peka dan sensitif dengan harapan dan amanah rakyat** agar **keyakinan rakyat terhadap kewibawaan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dapat kita pertahankan. Tanamkan sifat “Sense of Urgency” dalam setiap perkara yang kita lakukan.**

21. Justeru, saya menyeru agar warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya yang menerima APC hari ini, mampu menjadi **‘agen pemangkin’** dalam menerapkan budaya kerja cemerlang sesama rakan sekerja, **seterusnya mampu juga menjadi “Duta” dalam**

**mempromosikan segala perkhidmatan dan kejayaan-kejayaan Kementerian kepada masyarakat di luar sana.**

22. Kini tiba masanya, untuk masyarakat lebih mengenali Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat **bukan sekadar mengenali namanya, tetapi merasai nikmat dan manfaat dari segala perkhidmatan yang Kementerian ini tawarkan. Siapa lagi yang kita harapkan untuk mempromosi dan mengangkat nama K-P-W-K-M, kalau bukan dari kalangan kita, warganya sendiri.**

23. Falsafah **“Tangan Kanan Memberi, Tangan Kiri Disembunyi”** tidak lagi relevan untuk dipraktikkan. Kita perlu menguar-uarkan segala tindakan dan inisiatif yang telah kita laksanakan agar rakyat semua tahu apa yang Kerajaan telah usahakan.

24. Dalam urusan ini, saya menyeru agar kita menggunakan sepenuhnya platform media sosial yang ada untuk kita mendekati rakyat dan melebarluaskan informasi-informasi berkaitan Kementerian ini.

### **AMANAT 5: MEMPERKASA HALA TUJU KEMENTERIAN**

25. Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, besarlah harapan saya agar Kementerian ini bukan hanya dikenali sebagai Kementerian yang memberikan bantuan sosial semata-mata.

26. Pencapaian Kementerian ini bukan semata-mata diukur dengan berapa banyak bantuan yang telah kita salurkan, sebaliknya ia perlu

dilihat berapa ramai kumpulan sasar yang mampu dikeluarkan dari belunggu kemiskinan.

27. Justeru, untuk mencapai hasrat ini, Kementerian telah membangunkan Pelan Strategik KPWKM 2021 hingga 2025 yang memberi penekanan kepada Lapan (8) Teras Strategik Utama iaitu:

- Pertama: Memperkukuh Institusi Kekeluargaan;
- Kedua: Memperkasa Wanita;
- Ketiga: Melindungi dan Membangun Kanak-kanak;
- Keempat: Memantapkan Persekitaran Kondusif Warga Emas;
- Kelima: Memperkasa Orang Kurang Upaya;
- Keenam: Meningkatkan Kemandirian Kumpulan Khusus;

- Ketujuh: Meningkatkan Keterlihatan Negara di Peringkat Antarabangsa; dan
- Kelapan: Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan.

28. Kelapan-lapan Teras Strategik ini merupakan hala tuju baharu Kementerian yang perlu didukung oleh semua warganya. **Saya mungkin tidak mampu mencapai hasrat ini secara berseorangan. Saya memerlukan pegawai-pegawai yang komited dan proaktif seperti di hadapan saya untuk sama-sama berganding bahu bagi merealisasikan hasrat ini.**



## (C) ALAM PERSARAAN

29. Semua penjawat awam bakal menempuh alam persaraan. Namun, persaraan bukan bermakna pengakhiran untuk memberikan khidmat bakti kepada negara yang kita sayangi ini. Kementerian menerusi **Dasar Warga Emas Negara menekankan tentang aspek warga emas yang sihat, aktif dan produktif.** Saya selalu berpesan bahawa **“usia emas adalah sekadar angka”**. Yang penting usia tidak pernah menghalang kita untuk terus berbakti kepada masyarakat dan negara.

30. Walaupun pengalaman setiap individu yang berada di sini pasti berbeza tetapi saya percaya semua pengalaman ini boleh **dikongsikan sebagai pedoman untuk penjawat-penjawat awam muda supaya mereka dapat bekerja dan menjalankan tugas dengan lebih cekap dan efisien dalam**

**memenuhi ekspektasi rakyat.** Semoga memori tersebut menjadi kenangan terindah yang terpahat kukuh dalam lipatan sejarah perkhidmatan awam masing-masing.

#### **(D) UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN**

31. Setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen dan usaha yang dipamerkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2020. **Teruskan prestasi cemerlang dan komitmen yang padu bagi mengekalkan momentum penghasilan kerja yang produktif dan progresif.**

32. Sesungguhnya '**Kerja itu ibadah**'. Permulaan niat yang bersih dan suci akan digandakan rahmat dan keberkatan. **Maka, sesuatu nikmat kerja dapat**

**dinikmati apabila kita berjaya melaksanakan tugas dengan sebaiknya, serta manfaatnya dapat dirasakan oleh mereka yang memerlukan.**

33. Kepada pesara dan bakal pesara, saya mendoakan semoga kalian terus **diberi rahmat kesihatan dan fizikal yang cergas.** Jadikan hari-hari mendatang untuk kekal produktif seperti mana YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan masih bekerja. Lakukan pelbagai aktiviti sihat dan pengisian yang bermanfaat untuk kehidupan yang lebih bermakna. **Sesungguhnya idea dan pandangan YBhg. Dato, Tuan-Tuan dan Puan puan masih kami alu-alukan meskipun sudah di alam persaraan bagi meningkatkan perkhidmatan Kementerian ini kepada rakyat.**

34. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung **penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Kementerian dan agensi atas segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan** dalam menyempurnakan semua tugas.

35. Tidak dilupakan kepada **ahli keluarga warga Kementerian dan agensi atas sokongan padu dan menjadi tunjang kekuatan** dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik selama bertugas bersama Kementerian.

36. **Sekalung penghargaan kepada urus setia majlis ini** yang telah bertungkus lumus dalam membuat persiapan dan menjayakan majlis ini.

(E) **PENUTUP**

37. **Saya akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun:**

**Kalau Belayar Membawa Pukat,**  
**Pukatnya Lebar Hasilnya Padat;**  
**KPWKM Hebat, Warganya Berbakat,**  
**Semangatnya Kuat, Membantu Rakyat.**

38. **Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahir Rahmanir Rahim saya**  
**merasmikan MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**  
**DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2020.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**6 APRIL 2021**